




# Piawaian sebaran kotoran produk: maklumat untuk pengimport dan pengilang



## Adakah anda mengimport, mengilang atau membekalkan peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan atau enjin marin?

Piawaian sebaran kotoran berbisa bagi peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan dan enjin marin bermula pada bulan Januari 2018. Piawaian ini menggunakan pendekatan berperingkat untuk memberi industri ini masa beralih. Terdapat beberapa langkah yang harus anda ambil sekarang untuk memastikan anda patuh.

**1 Julai 2018**—peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan dan enjin marin baharu yang banyak mengeluarkan bahan cemar tidak lagi boleh diimpor masuk ke Australia

**1 Julai 2020**—peralatan kuasa untuk kegunaan di luar bangunan atau enjin marin baharu yang banyak mengeluarkan bahan cemar tidak lagi boleh dibekalkan ke pasaran Australia. Mulai tarikh ini, produk bukan jalan raya yang diperakui di Eropah dan diimport masuk ke Australia mesti menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat V Euro.

Produk bukan jalan raya yang diperakui menepati piawaian sebaran kotoran Peringkat II Euro boleh dibekalkan di Australia sehingga 30 Jun 2021. Selepas itu, hanya produk yang diperakui menepati Peringkat V Euro sahaja yang boleh dibekalkan.

Jabatan Pertanian, Air dan Alam Sekitar mentadbir piawaian ini. Bayaran khidmat permohonan dikenakan bagi perakuan dan pengecualian Australia. Levi dikenakan terhadap produk import dan enjin baharu yang dikilangkan secara domestik.

## Produk apakah yang dikenakan piawaian ini?

Piawaian ini dikenakan terhadap:

- enjin pencucuhan percikan api berkuasa 19 kilowatt ke bawah yang digunakan di rumah dan dalam operasi komersial, termasuk: mesin pemotong rumput jenis tolak, mesin pemotong rumput jenis tunggang, penyungkup, pemotong semak samun atau pemangkas jenis tali, penjana, pam, gergaji rantai dan enjin bantu pada bot, misalnya penjana dan pam.
- enjin pencucuhan percikan api yang digunakan pada kapal laut, termasuk: enjin motor sangkut, enjin pesawat air peribadi dan enjin pacuan buritan atau enjin di dalam kapal.

Untuk mendapatkan senarai produk yang diliputi oleh piawaian ini, lihat di [www.environment.gov.au/protection/air-quality/emissions-standards](http://www.environment.gov.au/protection/air-quality/emissions-standards).



## Apakah yang perlu anda lakukan?

- pastikan semua produk yang diliputi oleh piawaian sebaran kotoran membawa sama ada perakuan Australia atau perakuan antarabangsa yang diiktiraf. Perakuan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (*United States Environmental Protection Agency*), Lembaga Sumber Udara California (*California Air Resources Board*), Perubahan Alam Sekitar dan Iklim Kanada (*Environment and Climate Change Canada*) atau negara anggota Kesatuan Eropah akan diterima.
- jika perlu, dapatkan pengecualian daripada piawaian sebaran kotoran Australia. Permohonan boleh dibuat kepada jabatan ini dan akan diberikan dalam beberapa keadaan yang tertentu
- pastikan anda atau broker kastam anda menjawab Soalan Perlindungan Komuniti dengan betul dalam Sistem Kargo Bersepadu dengan memasukkan nombor perakuan atau pengecualian yang betul bagi semua peralatan dan enjin anda
- simpan rekod yang menunjukkan bahawa semua produk yang diimport, dipasang atau dikilangkan di Australia diperakui dan menepati piawaian Australia, ataupun telah diberi pengecualian.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya atau untuk mengetahui cara memohon perakuan atau pengecualian Australia di bawah piawaian sebaran kotoran, lihat di [www.environment.gov.au/protection/air-quality/emissions-standards](http://www.environment.gov.au/protection/air-quality/emissions-standards) atau hantarkan e-mel kepada kami melalui alamat [productemissions@awe.gov.au](mailto:productemissions@awe.gov.au).

